

LAPORAN TAHUNAN

2021

UNIT KESELAMATAN &
KESIHATAN PEKERJAAN
HOSPITAL CANCELOR TUANKU MUHRIZ

DISEDIAKAN OLEH:
KHAIRIYAH MOHAMAD

DISEMAK OLEH:
DR. KHAMSIAH NAWAWI

ISI KANDUNGAN

01

Pengenalan

02

Organisasi UKKP

03

Statistik Perkhidmatan

04

Pelaporan NADOPD

05

Pelupusan Buangan Terjadual

06

Audit PKKTK

07

Aktiviti UKKP

08

Lain-lain

01 - PENGENALAN


Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) merupakan salah satu unit di bawah Pentadbiran Pejabat Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM). Unit ini bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesihatan seluruh warga dan pelanggan HCTM berada dalam kesejahteraan fizikal, mental dan sosial yang tinggi berdasarkan kepada peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Bahagian III: Fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (Seksyen 11).

FUNGSI UNIT KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN

- *Memberi khidmat nasihat dalam pencegahan dan kawalan hazard.*
- *Melaksanakan lawatan dan siasatan kemalangan pekerjaan.*
- *Bertindak sebagai urusetia Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan HCTM.*
- *Menjalankan audit pemeriksaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.*
- *Menyelaras pelupusan buangan terjadual (sisa kimia).*
- *Menjalankan latihan/kursus berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.*



02 - ORGANISASI UKKP



Carta Organisasi UKKP 2021

Bil.	Jawatan	Bilangan (orang)
1.	Pegawai Perubatan UD54	1
2.	Pegawai Perubatan UD47	1 (mulai Jan 2021) 1 (mulai Apr 2021)
3.	Pegawai Sains C44	1
4.	Pegawai Sains C41	1 (mulai Feb 2021)
5.	Jururawat Terlatih U32 KUP	2
6.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29	1 (sehingga Feb 2021)
7.	Pembantu Tadbir (P/O) N22 KUP	1 (mulai Feb 2021)
8.	Pembantu Tadbir (P/O) N19	1 (sehingga Feb 2021) 1 (sehingga Ogos 2021)

Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan perubahan kakitangan yang ditempatkan di UKKP sepanjang tahun 2021 di mana terdapat beberapa kakitangan baru ditempatkan di unit ini selain dari penempatan semula kakitangan lama UKKP di jabatan-jabatan lain mengikut keperluan yang difikirkan perlu oleh pihak pengurusan HCTM.

Sehingga penghujung 2021, UKKP akhirnya memiliki satu pasukan kakitangan yang terdiri dari seorang 3 orang pegawai perubatan, 2 orang pegawai sains, 2 orang jururawat terlatih dan 1 orang pembantu tadbir. UKKP diketuai oleh seorang pegawai perubatan UD54.

03 - STATISTIK PERKHIDMATAN

Jenis Perkhidmatan	2020	2021	Perbezaan (%)
Kes kemalangan yang dilaporkan ke UKKP:	138	174	20.7%
(a) Kemalangan tempat kerja	71	97	26.8%
(b) Kecederaan tajam	67	77	12.9%
Kes penyakit pekerjaan yang dilaporkan ke UKKP:	20	957	97.9%
(a) Tuberkulosis	5	4	-20.0%
(b) COVID-19	15	953	98.4%
Kes kejadian berbahaya yang dilaporkan ke UKKP	15	15	0.0%
Pelupusan buangan terjadual (sisa kimia):			
(a) Bilangan pelupusan	2	3	33.0%
(b) Berat sisa dilupuskan	4.74 MT*	8.31 MT*	43.0%
(c) Kos keseluruhan	RM 7,769.87	RM 33374.50	76.7%
Bilangan Mesyuarat JKPP	3	4	25.0%

* MT = Metrik Tan

Rajah 2


Rajah 2 menunjukkan statistik perbandingan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh UKKP pada tahun 2020 dan 2021 iaitu notifikasi kemalangan kejadian berbahaya, keracunan pekerja dan penyakit pekerjaan (NADOPOD), aktiviti pelupusan buangan terjadual dan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Berdasarkan rajah 2 tersebut, terdapat peningkatan jumlah kes yang dilaporkan ke UKKP pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 kecuali bilangan kes penyakit pekerjaan (tuberculosis) yang menunjukkan penurunan sebanyak 20%.

Berat sisa buangan terjadual juga adalah meningkat pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 43% dengan 3 kali kerja pelupusan.

Pada tahun 2021 juga UKKP sebagai urusetia Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) HCTM telah berjaya melaksanakan Mesyuarat JKKP sebanyak 4 kali setahun seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

04 – PELAPORAN NADOPOD




Rajah 3

Rajah 3 menunjukkan statistik notifikasi kes NADOPOD yang dilaporkan ke UKKP sepanjang Januari hingga Disember 2021. Jumlah notifikasi yang tertinggi adalah berkaitan penyakit pekerjaan. Dari sejumlah 944 kes penyakit pekerjaan yang dinotifikasi ke UKKP ini, 99.6% merupakan penyakit jangkitan COVID-19 yang menjadi wabak pandemik dunia yang kritikal pada tahun tersebut. 0.4% kes selebihnya adalah berkaitan jangkitan tuberculosis.

Notifikasi kes NADOPOD kedua tertinggi yang dilaporkan adalah berkaitan kemalangan tempat kerja iaitu sebanyak 128 kes. Selain itu, terdapat juga 14 kes kejadian berbahaya dan 1 kes kemalangan jalan raya dilaporkan. Tiada notifikasi bagi kes keracunan pekerjaan di laporkan ke UKKP sepanjang tahun 2021.

Perbandingan Kes NADOPOD Dilaporkan Mengikut Kategori dan Bulan




Rajah 4

Rajah 4 menunjukkan taburan kes-kes NADOPOD yang dilaporkan mengikut bulan bagi tahun 2021. Didapati kes penyakit pekerjaan adalah tinggi pada awal tahun dan menunjukkan penurunan menjelang Februari-April sebelum kembali meningkat pada pertengahan tahun 2021.

Faktor utama trend ini adalah disebabkan oleh jangkitan COVID-19 yang kritikal pada waktu itu. HCTM telah menerima banyak kes-kes COVID-19 sehingga berlaku beberapa kluster jangkitan di wad-wad perubatan. Dalam tempoh tersebut, arahan bekerja dari rumah telah dikeluarkan oleh pihak pengurusan bagi mengawal penularan jangkitan. Sejajar dengan itu, dapat diperhatikan berlakunya penurunan bilangan kes kemalangan tempat kerja dalam tempoh tersebut.

Tiada pola tertentu untuk menggambarkan jumlah pelaporan kes kejadian berbahaya di HCTM bagi tahun 2021 kerana kebanyakan kes yang dilaporkan adalah berkaitan pesakit yang bertindak agresif.




Rajah 5

Rajah 5 menunjukkan statistik jenis kemalangan di tempat kerja yang dilaporkan ke UKKP sepanjang bulan Januari hingga Disember 2021. Dua kategori kes kemalangan yang kerap terjadi di HCTM adalah kecederaan tajam di kalangan kakitangan dan kemalangan jatuh yang melibatkan pesakit HCTM.

Pihak UKKP menerima notifikasi berkaitan kes kecederaan tajam pada setiap bulan dimana bilangan kes yang tertinggi dicatatkan pada bulan November 2021. Sepanjang tahun tersebut jumlah kes kecederaan tajam yang dilaporkan adalah sebanyak 77 kes.

Bagi kemalangan jatuh pula, sebanyak 51 kes telah dinotifikasi ke UKKP yang meliputi kes kemalangan jatuh tangga, jatuh di lantai, jatuh di tandas dan pesakit jatuh dari katil. Terdapat juga 1 kes terpencil di mana seorang pesakit terjatuh ketika melakukan rawatan rehabilitasi di gim Neurologi.

Berdasarkan statistik, jumlah kes kemalangan jatuh ini menunjukkan taburan yang tidak sekata sepanjang tahun serta tiada kes yang dilaporkan pada bulan November dan Disember 2021.




Rajah 6

Rajah 6 menunjukkan statistik kejadian berbahaya yang telah dinotifikasi ke UKKP sepanjang tahun 2021. Sejumlah 14 kes kejadian berbahaya telah dilaporkan yang melibatkan kejadian-kejadian seperti tindakan agresif pesakit, kebakaran, terperangkap dalam lift dan juga kejadian yang melibatkan semburan bahan kimia.

71% dari kes kejadian berbahaya yang dilaporkan adalah berkaitan tindakan agresif pesakit di Wad-Wad Psikiatri serta 1 kes waris pesakit bertindak agresif di wad Surgeri. 3 dari 10 kes tindakan agresif ini telah mengakibatkan kecederaan ringan kepada kakitangan.


Pada tahun ini juga terdapat 2 kes kebakaran kecil yang dinotifikasi ke UKKP iaitu kes kebakaran yang berpunca dari panel suis penghawa dingin dan soket plug seterika. Satu pekililing Arahan Pematuhan Keselamatan Penggunaan Peralatan Elektrik di HCTM (Pekililing Pejabat Pengarah HCTM Bil.28/2021) telah dikeluarkan sebagai langkah kawalan dan pencegahan.

Kejadian-kejadian berbahaya yang lain yang dilaporkan adalah seperti terperangkap di dalam lif dan kakitangan terkena semburan bahan kimia, masing-masing sebanyak 1 kes.




Rajah 7

Rajah 7 menunjukkan kes kecederaan tajam yang dinotifikasi ke UKKP sepanjang tahun 2021 dengan kejadian tertinggi berlaku pada separuh akhir tahun 2021.




Rajah 8

Rajah 8 menunjukkan analisa punca kecederaan tajam yang terjadi di kalangan kakitangan HCTM sepanjang tahun 2021. Lebih 50% punca kecederaan tajam ini disebabkan oleh cara pembuangan jarum yang tidak selamat serta tindakan kakitangan memanipulasi jarum yang tidak sesuai kepada pesakit atau tiub spesimen.



Rajah 9

Rajah 9 menunjukkan perbandingan kes kecederaan tajam pada tahun 2020 dan tahun 2021 mengikut perjawatan. Antara kategori jawatan yang mencatatkan peningkatan ialah Pegawai Perubatan Siswazah, Pakar Perubatan/Konsultan dan Pegawai Perubatan. Statistik juga menunjukkan jumlah jururawat dan penolong perawat kesihatan (PPK) yang terlibat dengan kecederaan tajam adalah berkurangan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020.



Rajah 10

Rajah 10 menunjukkan statistik penggunaan pelbagai jenis peralatan tajam yang menyebabkan kecederaan kepada kakitangan HCTM.

Peralatan tajam yang paling kerap menyebabkan kecederaan tajam sepanjang tahun 2021 adalah jarum hypodermic (29.9%), diikuti oleh kateter intravena stylet (24.7%), jarum butterfly/winged (18.2%), dan jarum suture (9.1%).



Rajah 11


Rajah 11 menunjukkan statistik kes kecederaan tajam mengikut lokasi di HCTM sepanjang tahun 2021. Kakitangan dari Wad-wad perubatan merupakan majoriti (22.1%) yang mengalami kecederaan tajam sepanjang 2021, diikuti oleh kakitangan dari Jabatan Kecemasan (20.8%). Kejadian kecederaan tajam juga kerap terjadi di Dewan Pembedahan iaitu sebanyak 11 kes (14.3%).

Berdasarkan analisis punca masalah, didapati terdapat 4 faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kecederaan tajam di kalangan kakitangan HCTM:

INDIVIDU	LATIHAN	TEKNIK	PROSES KERJA
• Pembuangan jarum yang tidak bertanggungjawab • Tidak mematuhi garis panduan • Sikap yang gopoh	• Latihan terhadap semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) • Tiada latihan pratikal sewaktu PKP	• Teknik yang salah • Pemilihan jarum yang tidak sesuai	• Beban kerja yang tinggi dan kekangan masa menyebabkan prosedur dilakukan tergesa-gesa • Tindakan mengumpul jarum beberapa pesakit sebelum dibuang

Beberapa tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan oleh pihak UKKP dengan kerjasama jabatan yang terlibat iaitu;

- Mengedarkan prosedur operasi standard (SOP) untuk pengambilan darah, memberi suntikan dan pemasangan kanula intravena untuk digunakan di semua jabatan/unit di HCTM yang terlibat*
- Mengadakan sesi latihan praktikal mengenai teknik pengambilan darah/memasukkan kanula intravena dan memberi suntikan intramuscular/intravena.*
- Menggalakkan kakitangan terlibat untuk menonton video demonstrasi teknik mengambil darah dan penggunaan peralatan tajam yang di paparkan di laman sesawang UKKP.*
- Pemantauan oleh Pakar/Ketua Jururawat di setiap lokasi klinikal terhadap kakitangan yang menjalankan prosedur berkenaan.*



Rajah 12

Rajah 12 menunjukkan perbandingan tahunan penularan kes jangkitan Tuberkulosis di kalangan kakitangan HCTM dari tahun 2019 sehingga tahun 2021. Kes pada tahun 2021 menunjukkan penurunan dari tahun-tahun sebelumnya iaitu dari 9 kes pada tahun 2019 dan 5 kes pada tahun 2020 kepada 4 kes sahaja sepanjang tahun 2021.

Sebanyak 4 kes jangkitan Tuberkulosis telah dilaporkan sepanjang tahun 2021 yang melibatkan kakitangan HCTM di tempat kerja masing-masing. Mereka terdiri dari 3 orang kakitangan dari bahagian klinikal dan seorang kakitangan bukan klinikal.

Data demografik kakitangan yang dilaporkan mengalami jangkitan Tuberkulosis adalah seperti yang dipaparkan pada Rajah 13 di bawah:

Demografik	Bilangan (orang)
Jantina	
Lelaki	3
Perempuan	1
Jawatan	
Jururawat	1
Penolong Pegawai Perubatan	1
Pembantu Akauntan	1
Pembantu Tadbir	1
Tempat Kerja	
Wad Perubatan	2
Jabatan Kecemasan	1
Jabatan Kewangan	1
Diagnosis	
Pulmonary Tuberculosis with TB Plural	1
Plural Tuberculosis	1
Smear Negative Pulmonary Tuberculosis	1
Pulmonary Tuberculosis	1

Rajah 13

05 – PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL

Sisa buangan terjadual (sisa kimia) merupakan bahan kimia berbahaya yang apabila terdedah, terhidu, terkena pada kulit dan anggota badan, termakan akan mengakibatkan pelbagai bahaya dan risiko kepada pekerja dan alam sekitar. Bahan buangan berbahaya ini merupakan sisa buangan dari kebanyakan aktiviti makmal perkhidmatan.

UKKP dipertanggungjawabkan untuk mengurus, menyedia dan menyelaras khidmat pelupusan buangan terjadual (sisa kimia) yang dihasilkan oleh jabatan mengikut kehendak Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Pada tahun 2021, pengurusan pelupusan buangan terjadual (BT) di HCTM telah dilakukan sebanyak 3 kali iaitu pada bulan Januari, April dan Disember:


Bil.	Tarikh pelupusan	Jenis Sisa	Kontraktor Pelupusan	Kod Sisa	Pembungkusan	Berat Sisa (MT)
1.	11/01/2021	Pelarut bukan halogen terpakai	TWT Solutions Sdn. Bhd.	SW322	12 drum	2.32
2.	20/04/2021	Pelarut bukan halogen terpakai	Riyaland Sdn. Bhd.	SW322	3 IBC	2.7
	22/04/2021	Bekas/ botol bahan kimia yang tercemar dengan bahan kimia makmal	Famous Phase Sdn. Bhd.	SW409	8 Jumbo Bag	0.481
3.	14/12/2021	Pelarut bukan halogen terpakai	Riyaland Sdn. Bhd.	SW322	73 jar	1.825
	15/12/2021	Asid terpakai	TWT Solutions Sdn. Bhd.	SW206	6 Jars	0.248
	15/12/2021	Pelarut halogen terpakai	Riyaland Sdn. Bhd.	SW323	4 jar	0.090
	17/12/2021	Bekas/ botol bahan kimia yang tercemar dengan bahan kimia makmal	Famous Phase Sdn. Bhd.	SW409	5 Jumbo Bag	0.647

**MT = Metrik Tan*

Bulan	Berat sisa (M/T)	Kos Pelupusan (RM)
Januari	2.32	8127
April	3.181	11241
Disember	2.81	14006.50
JUMLAH	8.311	33374.50

Rajah 14

Rajah 14 menunjukkan berat bahan buangan terjadual serta kos pelupusan yang telah diuruskan oleh UKKP sepanjang tahun 2021.



Rajah 15

Rajah 15 menunjukkan peratusan sisa kimia yang dihasilkan mengikut kategori. Sisa kimia yang paling banyak dihantar pelupusan pada tahun 2021 adalah dalam kategori sisa pelarut bukan halogen terpakai (SW322) iaitu sebanyak 82.36% manakala sisa kimia kategori pelarut halogen terpakai (SW323) paling sedikit dilupuskan iaitu sebanyak 1.08%

daripada jumlah berat sisa kimia yang diuruskan untuk pelupusan pada tahun ini.

06 – AUDIT PKKTK

Audit Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (PKKTK) adalah merupakan antara kaedah bagi memastikan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja dapat ditingkatkan dan seterusnya mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat dan kondusif. Ianya dapat dilihat menerusi pematuhan yang dilakukan sewaktu lawatan dijalankan.

Pada tahun 2021, UKKP telah merancang dan melaksanakan Audit PKKTK bagi tempat kerja yang telah ditentukan. Sebanyak 10 lokasi tempat kerja telah dilawati dan diaudit.

Pemeriksaan Kepatuhan SOP Pencegahan Penularan COVID-19				
Bil	Tarikh Audit	Lokasi Audit	Ulasan/Tahap Pematuhan	Tindakan
1.	20/01/2021	Klinik-klinik dan Wad-Wad di Tingkat 1 dan Tingkat G Blok Klinikal	Terdapat pelanggaran SOP COVID-19.	Teguran
2.	11/02/2021	Wad-wad di Tingkat 4-7 Blok Klinikal	Terdapat pelanggaran SOP COVID-19.	Teguran dan saman
3.	09/04/2021	Pejabat jabatan-jabatan di Bangunan Asrama Jururawat dan Blok Pendidikan	Terdapat pelanggaran SOP COVID-19.	Teguran
4.	27/05/2021	Wad-wad Perubatan (Wad 7C, 6E, 6B dan 6J)	Terdapat pelanggaran SOP COVID-19.	Teguran
5.	09/06/2021	Wad Paediatric	Risiko melibatkan aliran udara cemar di Wad Paediatric.	Penambahbaikan sistem pengudaraan dilakukan
6.	15/07/2021	Jabatan Perubatan Kecemasan	Terdapat pelanggaran SOP COVID-19 melibatkan beberapa penemuan.	Penemuan dan cadangan penambahbaikan dimajukan
7.	21/09/2021	Wad ICU	Tiada kepatuhan SOP COVID-19.	Beberapa cadangan penambahbaikan diberikan sebagai kawalan dan pencegahan yang lebih baik

Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja				
Bil	Tarikh Audit	Lokasi Audit	Ulasan/Tahap Pematuhan	Tindakan
1.	30/03/2021	Bahagian Bajet dan Unit Bayaran, Jabatan Kewangan	Markah PKKTK : 62.0% (Gred B)	Laporan dan cadangan penambahbaikan dimajukan
2.	02/11/2021	Makmal Pemeriksaan Klinikal	Markah PKKTK : 82.5% (Gred B)	Laporan dan cadangan penambahbaikan dimajukan
3.	03/11/2021	Klinik Respiratori	Markah PKKTK: 72.8% (Gred B)	Laporan dan cadangan penambahbaikan dimajukan

07 – AKTIVITI UKKP

Selain melaksanakan tugas hakiki unit keselamatan dan kesihatan pekerjaan di HCTM di samping menggalas tanggungjawab sebagai Bilik Gerakan COVID-19 HCTM, UKKP telah berjaya menjalankan beberapa aktiviti yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

a. Taklimat dan Seminar berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Bil	Tajuk Webinar	Tarikh	Tempat	Penceramah
1.	Taklimat Pengurusan Kakitangan HCTM yang Terdedah COVID-19	07/01/2021	Auditorium HCTM	Dr. Khamsiah Nawawi (Ketua Unit UKKP)
2.	Webinar: Pencegahan dan Kawalan Penyakit COVID-19 Dalam Kalangan Pekerja Hospital	21/01/2021	Atas Talian Aplikasi Zoom	Dr. Khamsiah Nawawi (Ketua Unit UKKP)
3.	Webinar: Terumo No Safety No Injury	19/04/2021	Atas Talian Aplikasi Zoom	Ms. Chew Siew Mei (Terumo Malaysia)
4.	Latihan Kesedaran NSI	28/04/2021	Dewan Kuliah 2, HCTM	Dr. Nora Aini Ramly (Pegawai Perubatan UKKP)
5.	Webinar: Closed System Blood Collection Set (Sesi I)	23/06/2021	Atas Talian Aplikasi Google Meet	Ms. Chew Siew Mei (Terumo Malaysia)
6.	Webinar: Pesakit COVID-19: Apa Langkah Seterusnya...	13/08/2021	Atas Talian Aplikasi Zoom	Dr. Khamsiah Nawawi (Ketua Unit UKKP)
7.	Kursus Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah – Kecederaan Needlestick	14/09/2021	Atas Talian Aplikasi Google Meet	Dr. Nora Aini Ramly (Pegawai Perubatan UKKP)
8.	Taklimat Peranan Pegawai Insiden	14/09/2021	Atas Talian Aplikasi Google Meet	Pn. Wan Irfani Wan Mahyudin (Pegawai Sains Kanan UKKP)
9.	Webinar: Closed System Blood Collection Set (Sesi II)	24/09/2021	Atas Talian Aplikasi Google Meet	Ms. Chew Siew Mei (Terumo Malaysia)
10.	Webinar: Closed System Blood Collection Set (Sesi III)	29/09/2021	Atas Talian Aplikasi Google Meet	Ms. Chew Siew Mei (Terumo Malaysia)
11.	Kesedaran Penyakit Tuberkulosis Laten (LTBI) Di Kalangan Petugas Kesihatan	28/10/2021	Atas Talian Aplikasi Zoom	Dr. Zamzurina Abu Bakar (Pakar Respiratori Institut Perubatan Respiratori Kuala Lumpur)
12.	Kursus Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah – Kecederaan Needlestick	16/11/2021	Atas Talian Aplikasi Google Meet	Dr. Nora Aini Ramly (Pegawai Perubatan UKKP)
13.	Kesedaran Penyakit Tuberkulosis (TIBI) Dalam Kalangan Petugas Kesihatan	23/11/2021	Atas Talian Aplikasi Zoom	Dr. Nik Nuratiqah Nik Abeed (Pakar Respiratori HCTM)

b. Pra-Audit Prasarana Program Malaysian Society For Quality in Health (MSQH).

Pra-Audit Prasarana MSQH telah dijalankan pada 03 hingga 07 Mei 2021. Sebagai unit yang memberikan perkhidmatan keselamatan dan kesihatan di HCTM, UKKP terlibat sepenuhnya dengan proses pengauditan bagi Service Standard 2 – Environmental and Safety Service.

Terdapat beberapa penambahbaikan yang telah dicadangkan oleh pihak juruaudit, Tuan Ir Al-Khairi Mohd Daud. UKKP telah mengambil tindakan pro-aktif dengan melaksanakan beberapa pelan penambahbaikan yang dipantau oleh Jawatankuasa Induk MSQH.



Penyemakan dokumen MSQH bersama juruaudit.



Lawatan ke wad-wad bagi pemeriksaan pematuhan kepada MSQH

c. Program Kesedaran Mengurus Bencana Dalam di HCTM.

UKKP telah mengadakan satu bengkel yang bertajuk Bengkel Pelan Bencana Dalam Kumpulan Pengurusan yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman kumpulan pengurusan HCTM tentang peranan dan tindakan mereka dalam mengurus pentadbiran sewaktu bencana.

Program ini telah dilaksanakan di Dewan Kuliah ASSC pada 30 November 2021 dan dihadiri oleh seramai 37 orang peserta yang terdiri dari Ketua-Ketua Jabatan di HCTM serta wakil-wakil kumpulan pengurusan HCTM. Dua orang penceramah luar yang berpengalaman luas dalam pengurusan bencana telah dijemput untuk menjayakan program ini iaitu:

- i. *Datuk Dr. Mohamed Alwi bin Abdul Rahman*
Konsultan Pengurusan Bencana, Ketua Jabatan Kecemasan Hospital Selayang
- ii. *PgKB 1 Nor Mahathir bin Muhamad*
Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur.



Para penceramah dan peserta Bengkel Pelan Bencana Dalam Kumpulan Pengurusan HCTM

d. Pelancaran Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKPP) HCTM.

Selaras dengan keperluan penambahbaikan hasil pengauditan MSQH, UKKP telah menambahbaik Dasar KKPP UKM sebagai Dasar KKPP peringkat HCTM. Ia telah diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hospital Bil.12/2021 bertarikh 27 Julai 2021.



DASAR KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN

HOSPITAL CANCELOR TUANKU MUHRIZ, UKM

Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) beriltizam untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif kepada seluruh warga HCTM dan pelanggannya melalui budaya kerja terancang dan pengurusan risiko yang mampan serta didukung padu oleh setiap warganya.

PELAKSANAAN

Bagi menjayakan dasar tersebut, HCTM memastikan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan seperti berikut:

1. Menjadikan pengurusan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan sebagai aspek penting dan bersepadu dalam pengurusan HCTM.
2. Menyediakan sumber, sistem dan latihan yang mencukupi di samping meningkatkan kesedaran dan kompetensi pekerja untuk bekerja dalam persekitaran selamat dan sihat serta mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan.
3. Mengasas, menilai semula dan mempertingkatkan kecemerlangan keseluruhan dasar, sistem, program dan prosedur kerja selamat dan sihat dari semasa ke semasa bersesuaian dengan peruntukan akta, peraturan serta piawai amalan berkaitan.
4. Memastikan segala perancangan dan prosedur dilaksanakan untuk menangani keperluan pekerja, pesakit, pelawat serta pelajar dalam keadaan biasa dan kecemasan.
5. Menyiasat dan mengambil tindakan penambahbaikan serta pencegahan dengan segera ke atas kemalangan pekerjaan dan penyakit pekerjaan yang berlaku dan dilaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab.
6. Membudayakan pemikiran berdasarkan risiko, sistem kerja selamat dan sihat secara berterusan dalam kalangan pekerja dan pelajar berteraskan kefahaman, kompetensi, tanggungjawab dan pengaturan sendiri.



PROFESOR DATO' DR. RAZMAN JARMIN
Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Universiti Kebangsaan Malaysia

6 November 2021
Diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hospital Bil. 14/2021 bertarikh 27 Julai 2021.



Majlis pelancaran Dasar KKPP HCTM yang pertama ini telah diadakan pada 23 Disember 2021 di Auditorium HCTM. Majlis Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Pengarah HCTM, Prof. Dato' Dr. Razman Jarmin dalam Perhimpunan Bulanan Kakitangan 2021 yang terakhir.



Pengarah HCTM memotong riben gimik pelancaran dan seterusnya menandatangani Dasar KKPP HCTM.



Penyerahan Dasar KKPP kepada Timbalan-Timbalan Pengarah HCTM

08- LAIN-LAIN

PENYELIDIKAN / KAJIAN

Pada tahun 2021, UKKP yang juga berfungsi sebagai Bilik Gerakan COVID-19 HCTM telah memulakan projek penyelidikan yang bertajuk “Kaji Selidik Tahap Pengetahuan, Kesedaran dan Amalan Terhadap Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 dan Faktor Berkaitan Dengannya Dalam Kalangan Kakitangan Kesihatan di HCTM’ (No. kelulusan Etika Penyelidikan UKM Fakulti Perubatan PPI/111/8/JEP-2021-751)

Projek kajian ini dijangka tamat pada Julai 2022.

PROJEK INOVASI

Bil	Projek Inovasi	Catatan
1.	Pembangunan laman sesawang UKKP : https://hctm.ukm.my/urkkp/	Laman sesawang ini telah dibangunkan dengan memberi nafas baharu kepada laman sesawang sedia ada supaya menjadi <i>one stop center</i> kepada pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan UKKP. Status : 90% telah lengkap
2.	Pembangunan sistem atas talian MyUKKP dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat.	Aplikasi MyUKKP diwujudkan untuk membolehkan semua urusan UKKP dilakukan secara atas talian dan dapat diseragamkan dengan semua pemegang taruh di HCTM. Status : Kick-off telah dijalankan pada Disember 2021 dan dijangka siap pada pertengahan 2022.

PEMBELIAN PERALATAN BARU

Nama alat	TSI VelociCalc Air Velocity with JAQ Probe
Fungsi	Mengukur parameter kualiti udara dalaman (IAQ)
Jenama/Model	TSI 9565-NB with TSI 964, TSI 982
Nilai Aset	RM 26,749.00
Status Terkini	Sesi pengujian dan pentauliahan alat telah dilaksanakan oleh pihak Prasarana KKL pada 10/12/2021.



Alat TSI-VelociCalc Air Velocity dan JAQ Probe

KHIDMAT MASYARAKAT

Pemakaian dan pemotongan gelang kakitangan yang tamat tempoh perintah pengawasan dan pemerhatian (Home Surveillance Order-HSO) dan Release Order-RO).



Pemakaian gelang (HSO) kepada kakitangan yang berkontak rapat dengan individu dijangkiti COVID-19.



Pemotongan gelang (RO) kepada kakitangan yang tamat tempoh kuarantin.



Sebahagian kakitangan UKKP yang terlibat untuk pemakaian dan pemotongan gelang kakitangan HCTM.

TAMAT